



## PERADUAN ERA CAMP OUT

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	ERA Sabah
3.	<b>Nama Peraduan</b>	<u>ERA Camp Out</u>
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Rebut peluang untuk memenangi <u>2D1N cuti perkhemahan</u> dengan <u>beritahu kenapa ERA patut bawa anda ke cuti perkhemahan</u>
5.	<b>Mekanisma ringkas Peraduan</b>	<u>Pedengar dikehendaki untuk komen di Facebook atau Instagram ERA Sabah kenapa ERA patut bawa anda ke cuti perkhemahan</u>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur <u>16</u> tahun ke atas pada <u>28hb November 2018</u> .
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-  a) Pekerja-pekerja/ Kontraktor-kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut;  b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;  c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;  d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur <u>16</u> tahun ke atas pada <u>28hb November 2018</u> .  Dalam situasi di mana seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini. Pihak Penganjur adalah menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.
9.	<b>Caj</b>	Caj telekomunikasi boleh dikenakan.

10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	<a href="#">28hb November 2018</a> sehingga <a href="#">8hb Disember 2018</a> .
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia.
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	Menghantarkan <a href="#">komen di Facebook atau Instagram ERA Sabah kenapa ERA patut bawa anda ke cuti perkhemahan</a> Tidak melebihi 25 patah perkataan
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	<a href="#">8hb Disember 2018</a>
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Atas Talian (online)
15.	<b>Alamat</b>	<a href="#">Astro Radio Sdn Bhd</a> <a href="#">1<sup>st</sup> Floor, F901 Wisma Angkatan Hebat</a> <a href="#">Jalan Sulaman</a> <a href="#">88450 Kota Kinabalu, Sabah.</a>
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	<a href="#">5</a> pemenang akan dipilih berdasarkan <a href="#">komen</a> yang menarik yang dimuatnaik di laman media social.
17.	<b>Hadiah</b>	<a href="#">Percutian perkhemahan di Kiulu Homestay selama 2 hari 1 malam untuk 2 orang</a>
18.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Nama para Pemenang Peraduan akan diumumkan oleh pihak Penganjur selepas peraduan.
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak Penganjur selepas peraduan
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak Penganjur selepas peraduan
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	Peserta yang ingin turut serta perlu membuat akaun Instagram mereka dalam "public mode" (unprivatekan account) supaya gambar mereka dapat dilihat / dinilai.  Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.